

12 AUG 2003

SWAZILAND-PELABURAN/I

SWAZILAND PELAWA PKS DARI MALAYSIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE (Swaziland), 12 Ogos (Bernama) -- Swaziland yang menjadi tuan rumah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) tahun ini, hendak menarik pengusaha kecil dan sederhana (PKS) Malaysia.

Tumpuan khususnya adalah syarikat yang boleh melabur dalam teknologi baru dan memberi faedah langsung kepada ekonomi menerusi perpindahan teknologi dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Menteri perancangan dan pembangunan ekonominya, Putera Guduza, berkata negaranya yang mempunyai kestabilan politik, menawarkan pelbagai insentif cukai bagi menarik pelabur. Syarikat asing juga boleh menggunakan negara kecil beraja ini sebagai papan anjal kepada pasaran serantau yang lebih besar.

Beliau berkata Swaziland merupakan anggota Kesatuan Kastam Selatan Afrika (SACU) yang disertai oleh 14 negara Komuniti Pembangunan Selatan Afrika (SADC), dan ia menawarkan pasaran yang besar untuk pelabur.

Beliau berkata jumlah perdagangan antara Malaysia dan Swaziland adalah kecil tetapi kerajaannya cuba untuk menarik pelabur asing untuk membantu membina ekonominya.

"Walaupun kami kecil, kami percaya kami dapat menarik pelabur asing dengan gabungan insentif yang ditawarkan seperti bantuan untuk membina kilang dan usaha di kebelakangan ini untuk merangsang industri pelancongan," katanya kepada wartawan Malaysia di Ezulwini yang terletak beberapa kilometer di luar ibu negara Swaziland, semalam.

Ezulwini telah dipilih sebagai lokasi untuk Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global yang akan berlangsung pada 13-17 ogos ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka tiba untuk dialog ini pagi esok. Dialog akan dibuka dengan rasmi oleh Raja Mswati III pada malamnya.

Putera Guduza yang juga menjadi Penganjur Bersama Dialog dan saudara kepada Raja Mswati III, berkata dalam bidang pelancongan, Swaziland telah melancarkan projek Alaf yang melibatkan pembangunan sekurang-kurangnya empat hingga lima hotel bertaraf antarabangsa serta lapangan terbang yang baru yang membolehkan pesawat Boeing 747 mendarat.

Kerja-kerja pembinaan lapangan terbang baru, beberapa kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Matsapha, dianggarkan menelan belanja 200-300 juta Swazi Rand (US\$1=8 Swazi Rand) dan dijangka bermula bulan ini dan siap dalam dua hingga tiga tahun.

"Kami cuba membaiki prasarana untuk pelancongan seperti membina taman-taman hiburan bagi menarik pelawat supaya tinggal di sini sekurang-kurangnya dua hingga tiga hari. Sekarang, selepas sehari, mereka bosan dan pergi. Kini kami cuba untuk menambah menu pelancongan," katanya.

Antara pelabur asing yang telah berada di Swaziland termasuk firma-firma Jepun, contohnya YKK Zippers yang telah berada di sini selama 30 tahun. Terdapat juga syarikat-syarikat tekstil Taiwan yang mengambil peluang Skim Sistem Keutamaan Am (GSP) yang disediakan oleh Amerika Syarikat.

Di bawah Akta Pertumbuhan dan Peluang Afrika (AGOA), Amerika memberikan status bebas cukai kepada tekstil yang dieksport dari Swaziland ke Amerika sebagai bantuan kepada negara Afrika yang kurang maju ini.

Antara eksport utama Swaziland termasuk pulpa kayu dari hutan serta gula dan limau, samada dalam bentuk mentah buah atau jus.

Putera Guduza berkata walaupun kerajaan cuba untuk meningkatkan ekonomi

menerusi pelbagai langkah, cuaca yang buruk telah merosakkan ekonomi di mana kemarau dua hingga tiga tahun telah menjejaskan 60 peratus penduduk yang seramai 1.2 juta orang yang banyak bergantung kepada pertanian.

Dengan ekonomi yang kecil, cuaca buruk ini menyebabkan kejutan yang meluas, katanya,

Pada 2001 dan 2002, negara ini mencatat pertumbuhan kurang 3.0 peratus dalam kadar inflasi yang tinggi pada 8.0 peratus. Pendapatan purata perkapita Swaziland adalah AS\$1,000.

Bagaimanapun, Putera Quduza berkata negaranya menjadikan kestabilan politik sebagai tarikan untuk menarik pelabur asing. -- BERNAMA

MR MKO SD JR